



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT TUAN SYED IBRAHIM SYED NOH
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN
ENERGY MANAGEMENT GOLD STANDARD (EMGS)
DI BAWAH
*ASEAN ENERGY MANAGEMENT SCHEME (AEMAS)***

27 APRIL 2026 (ISNIN)

10.00 PAGI

EQ KUALA LUMPUR

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

**Assalammualaikum warahmatullahi wabarokatuh.
Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI**

[SALUTASI]

YBHG. DATUK NOR YAHATI BINTI AWANG

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

YBRS. DR ANDY TIRTA

Ketua Hal Ehwal Korporat
Asean Centre for Energy (ACE)

YBRS. PUAN SHAREEN SHARIZA BINTI DATO' ABDUL GHANI

Pengerusi
Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

YBRS. ENCIK SAIFUL ADIB BIN ABD MUNAFF

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

Pegawai-pegawai kanan Kementerian;

Wakil-wakil industri tenaga lestari;

Para penerima sijil *Energy Management Gold Standard* (EMGS);

Tuan-tuan dan puan-puan saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk mengiktiraf kecemerlangan organisasi dalam pengurusan tenaga lestari di Majlis Penganugerahan Sijil *Energy Management Gold Standard* (EMGS) di bawah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS).
2. Penganjuran majlis ini amat signifikan dan tepat pada masanya, seiring dengan agenda nasional ke arah mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Di Malaysia, sektor tenaga menyumbang kira-kira 79% daripada keseluruhan pelepasan gas rumah kaca (GHG) negara pada tahun 2021. Pelepasan GHG daripada sektor ini merangkumi pelepasan GHG daripada sub-sektor penjanaan tenaga elektrik, penapisan petroleum, industri-industri berkaitan pembuatan dan pembinaan, pengangkutan, pelepasan fugitif dan sebagainya. Justeru, pengurusan tenaga secara cekap bukan lagi satu pilihan, tetapi ia merupakan asas dalam mengharungi krisis perubahan iklim global. Tanggungjawab terletak di bahu kita untuk mengambil langkah strategik bagi memastikan kelestarian alam terus terpelihara, sekaligus membolehkan negara mencapai sasaran nasional pengurangan GHG di peringkat global.
3. Sehubungan itu, pelaksanaan program AEMAS yang diterajui oleh ASEAN Centre for Energy (ACE) sejak tahun 2010 memainkan peranan kritikal. Di Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), melalui agensinya, Malaysian Green

Technology and Climate Change Corporation (MGTC) bertindak sebagai *country coordinator* yang memastikan amalan terbaik pengurusan tenaga dapat dilaksanakan melalui pensijilan **Energy Management Gold Standard (EMGS)**.

4. Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian, program AEMAS terdiri daripada dua komponen, iaitu program latihan *Energy Manager Training Course* (EMTC) bertujuan melahirkan Pengurus Tenaga Bertauliah yang diiktiraf di peringkat ASEAN, serta pensijilan EMGS kepada organisasi yang melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari.

SISTEM PENSIJILAN EMGS

5. Untuk mencapai matlamat ini, pensijilan EMGS telah distrukturkan kepada tiga peringkat bagi memastikan penambahbaikan berterusan:
 - Peringkat **1-Bintang**: Organisasi perlu melantik Pengurus Tenaga Bertauliah dan melaksanakan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari berdasarkan tujuh kriteria utama iaitu **pengurusan, organisasi, proses, informasi, kewangan, tanggungjawab korporat, dan pencapaian**.
 - Peringkat **2-Bintang**: Organisasi dikehendaki mengekalkan amalan kriteria tersebut di samping mencapai sekurang-kurangnya pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 5% berbanding garis dasar (*baseline*) yang telah

ditetapkan.

- Peringkat **3-Bintang**: Ini merupakan pengiktirafan tertinggi bagi organisasi yang berjaya mengintegrasikan budaya pengurusan tenaga secara menyeluruh dalam operasi harian serta menunjukkan peningkatan kecekapan tenaga secara berterusan.

PENCAPAIAN & IMPAK

Hadirin sekalian,

6. Sejak pelaksanaannya, program AEMAS telah memberi impak yang signifikan. **Sehingga Disember 2025, sebanyak 205 organisasi di Malaysia telah terlibat, merangkumi 601 penilaian, dan berjaya menyumbang kepada pengurangan lebih 300 ribu tan karbon dioksida setara – satu pencapaian yang cukup membanggakan.**
7. Rekod menunjukkan perkembangan yang sangat memberangsangkan. **Bermula dengan 205 organisasi di tahap 1-Bintang, sebanyak 166 organisasi telah berjaya beralih ke tahap 2-Bintang, manakala 157 organisasi pula terus memacu kecemerlangan sehingga ke tahap 3-Bintang. Daripada jumlah ini, sebanyak 74 organisasi kekal komited mengekalkan pengiktirafan tertinggi tersebut melalui pembaharuan pensijilan masing-masing.**
8. Organisasi-organisasi ini terdiri daripada pelbagai sektor awam dan swasta, seperti hospital, makmal kesihatan, klinik, institusi

penyelidikan, institusi pendidikan, institusi perbankan, bangunan pejabat dan juga industri. Ini jelas menunjukkan perkembangan positif dan peningkatan komitmen dalam kalangan organisasi. Usaha ini bukan sahaja mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan karbon, malah turut menjana penjimatan kos utiliti serta meningkatkan kecekapan operasi organisasi.

9. Pengurusan tenaga yang cekap merupakan salah satu tindakan mitigasi perubahan iklim yang penting. Ia menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi hijau, serta mematuhi keperluan di bawah Akta Kecekapan Tenaga dan Konservasi (EECA) 2024 di bawah Suruhanjaya Tenaga. Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam bersama-sama Kementerian Ekonomi dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, serta agensi-agensi berkaitan komited dalam menyokong pelaksanaan program-program pengurusan tenaga yang cekap seumpama ini.
10. Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi negara untuk beralih ke arah ekonomi rendah karbon dan memperkukuh tindakan mitigasi perubahan iklim. Ia juga menyokong pelaksanaan dasar-dasar utama seperti Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP), Dasar Tenaga Negara 2022–2040 (DTN) serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

INSENTIF KERAJAAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Sebagai tanda komitmen kerajaan dalam menyokong inisiatif kecekapan tenaga yang dilaksanakan oleh organisasi serta pemain industri tempatan, kerajaan telah menawarkan insentif seperti:

11.1 Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance – GITA*), bagi pembelian aset-aset berkaitan kecekapan tenaga untuk kegunaan sendiri mulai dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026; dan

11.2 Program Geran Audit Tenaga Bersyarat (*Energy Audit Conditional Grant – EACG*) di bawah Rancangan Malaysia ke-12, bertujuan membantu pemilik premis di sektor industri dan komersial melaksanakan audit tenaga melalui kerjasama dengan Syarikat Perunding Tenaga (ESCO) bagi mengenal pasti potensi penjimatan elektrik di premis mereka.

PENCAPAIAN TERKINI DAN PENGANUGERAHAN

12. Sukacita saya maklumkan bahawa bagi tahun 2025 sahaja, pelaksanaan **EMGS telah berjaya mencatatkan pengurangan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 106 Gigawatt Jam setahun, yang turut menyumbang kepada pengurangan karbon secara signifikan serta penjimatan kos sekitar RM39 juta setahun.**

Hadirin sekalian,

13. Pada hari ini, saya berbesar hati kerana dapat bersama-sama mengiktiraf pencapaian **133 organisasi** yang berjaya memperoleh pensijilan EMGS. Jumlah ini merangkumi:
- 22 organisasi bagi sijil 1-Bintang;
 - 4 organisasi bagi sijil 2-Bintang; dan
 - 107 organisasi bagi sijil 3-Bintang, termasuk pembaharuan pensijilan 3-Bintang.
14. Anugerah Khas turut diberikan kepada organisasi yang menunjukkan komitmen luar biasa dalam pelaksanaan pengurusan tenaga melalui program EMGS di fasiliti mereka.

HARAPAN

15. Saya berharap lebih banyak organisasi awam dan swasta serta industri bermotivasi untuk melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan tenaga melalui pensijilan EMGS. Saya yakin program ini memberikan impak besar bukan sahaja kepada pihak organisasi, malah kepada warga kerja dalam mengamalkan penggunaan tenaga dengan cekap, Pada masa yang sama, meningkatkan kompetensi dan rasa tanggungjawab warga kerja untuk menyumbang kepada usaha negara dalam mengurangkan pelepasan GHG.

PENUTUP

16. Setelah lebih 15 tahun pelaksanaan, program ini telah mencapai satu pencapaian penting dengan pengurangan lebih **300 ribu tan**

karbon dioksida setara. Ini merupakan satu *milestone* yang harus kita banggakan dan dijadikan pemangkin untuk terus memperluas usaha ke arah masa hadapan yang lebih lestari.

17. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada MGTC selaku *country coordinator* program AEMAS, serta syabas kepada semua penerima sijil EMGS dan Anugerah Khas pada hari ini. Mari kita berikan tepukan gemuruh kepada mereka semua atas komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan EMGS di fasiliti mereka.

18. Dengan ini, Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Majlis Penganugerahan *Energy Management Gold Standard 2026* di bawah *ASEAN Energy Management Scheme*.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh

Dan terima kasih.